

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)


SISTEM PEPERIKSAAN ATAS TALIAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1. Mengapakah sistem uum-exam.hostexam.net perlu bagi pelajar Open and Distance Learning (ODL)?

Sistem ini diperlukan bagi pelajar ODL PACE UUM bagi menduduki peperiksaan akhir semester dan 'mock exam'.




2. Bagaimanakah perkhidmatan Online Exam UUM ini berfungsi?

Pelajar perlu mengakses *uum-exam.hostexam.net* menggunakan 'Incognito Mode' melalui Chrome dan melakukan proses log masuk 'Sign in with single sign on'.



3. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar masuk sebelum menduduki peperiksaan?

Klik Single sign in with single sign on > Sign me in > Masukkan Username dan Password > Tekan Log In




4. Bolehkah saya menggunakan *browser* lain selain daripada Chrome?

Tidak boleh. Hal ini kerana UUM Online Exam hanya boleh diakses melalui browser Chrome.

5. Semasa verifikasi ID, adakah terdapat medium lain yang boleh digunakan selain daripada Kad Pengenalan?

Anda boleh menggunakan Kad Pengenalan, UUM Digital ID atau Lesen Memandu semasa proses verifikasi ID.



6. Adakah dibenarkan sekiranya saya menggunakan peranti elektronik seperti Tablet/ Handphone/ Ipad/ smart watch untuk menjawab peperiksaan secara atas talian?

Tidak dibenarkan kerana anda hanya boleh menggunakan PC atau laptop sahaja untuk menjawab peperiksaan.

7. Mengapa terdapat 'warning' sewaktu saya dalam proses menjawab peperiksaan di sistem?

Pastikan anda telah menutup (disabled) semua 'windows', 'antivirus', notifikasi atau 'pop-up' sebelum mula menjawab peperiksaan.

8. Apakah yang akan terjadi sekiranya sistem telah mengeluarkan amaran 'warning' semasa saya sedang menduduki peperiksaan?


Pelajar akan diberi peluang hingga amaran ketiga kemudian pelajar akan ditamatkan serta-merta daripada sesi menjawab.

9. Mengapakah sesi menjawab saya dikira tamat walaupun masih terdapat soalan yang belum dijawab selepas menekan butang 'Submit'?

Anda tidak boleh menekan butang 'Submit' sekiranya belum habis menjawab soalan sebaliknya perlu menekan butang 'Next' untuk ke soalan seterusnya.


10. Bagaimanakah cara saya untuk memulakan peperiksaan semasa 'Exam setup' di bahagian paparan?

Pastikan anda memilih menu Share Entire Screen > Share dan jangan sesekali klik butang 'Hide' sebaik sahaja anda memulakan sesi peperiksaan.



11. Di manakah saya perlu menghantar jawapan bagi soalan di bahagian 'File Upload' yang memerlukan jawapan penyelesaian?

Anda akan diberi masa 30 minit sebaik sahaja menekan butang 'Submit' dan memuatnaik jawapan dalam format JPEG, PNG atau PDF melalui 'Upload Link' yang telah diberikan.



12. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya gagal memuatnaik dokumen jawapan yang dikehendaki dalam masa 30 minit yang diperuntukkan oleh sistem?

Kegagalan memuatnaik jawapan dalam tempoh 30 minit yang diperuntukkan menyebabkan anda dikira tidak menjawab soalan tersebut.

13. Saya perlu memuatnaik dokumen/gambar rajah sebagai jawapan. Apakah aplikasi atau perisian yang boleh digunakan?

Anda boleh menggunakan perisian seperti CamScanner, Adobe Scan atau PDF Scanner atau telefon bimbit untuk mengimbas jawapan. Pelajar mula mengimbas jawapan selepas pelajar klik button Submit Exam.

14. Adakah saya boleh log keluar daripada sistem sebaik sahaja selesai menjawab soalan dan memuatnaik dokumen jawapan yang diperlukan oleh soalan?

Ya. Anda boleh log keluar sebaik sahaja selesai menjawab semua soalan dan memuatnaik dokumen jawapan yang diperlukan.

15. Sekiranya pelajar tidak sempat untuk menjawab soalan dalam tempoh yang telah ditetapkan, adakah jawapan yang telah dijawab diambil kira?

Ya. Sistem akan merekod jawapan yang sempat dijawab oleh pelajar sahaja sama juga seperti soalan yang memerlukan muatnaik dokumen, pelajar hanya perlu memuatnaik jawapan yang sempat dijawab.

16. Adakah saya boleh menghantar jawapan peperiksaan walaupun masih terdapat soalan yang tidak dijawab?

Tidak boleh. Pelajar wajib menjawab semua soalan sebelum menghantar jawapan di sistem peperiksaan.

17. Bolehkah sekiranya saya ingin menduduki peperiksaan secara bersemuka?

Pelajar ODL tidak dibenarkan menduduki peperiksaan secara bersemuka.

18. Adakah dibenarkan sekiranya terdapat orang lain di tempat peperiksaan?

Calon perlu menduduki peperiksaan di tempat yang sesuai dan individu lain tidak dibenarkan berada bersama-sama di tempat peperiksaan.

19. Adakah dibenarkan sekiranya saya melakukan pergerakan seperti mengira menggunakan kalkulator?



Pelajar dibenarkan untuk mengira menggunakan kalkulator sewaktu peperiksaan dalam talian berjalan.

20. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya terlibat dengan kecurangan semasa peperiksaan sedang berjalan?


Pengawas akan menegur melalui 'chat box', mikrofon dan berhak meminta pelajar untuk membuat panggilan video.

21. Bolehkah jika saya ingin membuat draf terlebih dahulu sebelum menjawab soalan esei?


Draf hanya boleh dilakukan di bahagian soalan esei sahaja dan tidak dibenarkan membuat draf di atas kertas ketika sedang menjawab peperiksaan.




22. Bagaimanakah cara untuk menyelesaikan masalah ini?




i) Buka Cookies and site data



ii) Buka Manage on-device site data



- iii) Klik pada **simbol 'Tong Sampah'** untuk memadam data



- iv) Tutup Chrome dan biarkan selama 3-4 minit sebelum membuka semula sistem uum-exam.hostexam.net serta log masuk seperti biasa.

Tarikh Kemaskini: 25 Januari 2026